

14 JUL 1998

Parlimen-Penerbitan

GEJALA SURAT LAYANG DAN PENERBITAN LUCAH TIDAK MEMBIMBANGKAN

KUALA LUMPUR, 14 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Dalam Negeri berkata gejala surat layang dan penerbitan buku berunsur lucah di negara ini tidaklah membimbangkan.

Katanya, surat layang hanya timbul bermusim iaitu semasa pilihan raya atau pemilihan pucuk pimpinan parti manakala penerbitan berunsur lucah kebanyakannya dibawa masuk ke negara ini secara tidak sah.

Buku-buku di pasaran sentiasa diawasi terutamanya daripada segi kandungannya, kata Dr Mahathir dalam jawapan bertulis kepada Badrul Hisham Abdul Aziz (BN-Hulu Langat) pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Badrul dalam soalnya meminta penjelasan mengenai tahap keseriusan gejala surat layang dan penerbitan buku berunsur negatif.

Dr Mahathir juga berkata sebanyak 323 penerbitan buku telah dikenakan Perintah Larangan pengikut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 sejak 1993 hingga 1997.

Daripada jumlah itu, 132 adalah penerbitan bahasa Cina manakala 191 penerbitan bukan bahasa Cina.

Sementara itu, Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam jawapan bertulisnya kepada Abdul Rahman Sulaiman (BN-Parit Buntar) berkata kementerian itu telah menerima 12 permohonan setakat ini untuk pengecualian cukai bagi wang yang dibawa masuk ke negara ini.

Bagi menggalakkan pemastautin menghantar pulang dana yang tersimpan di luar negeri, kerajaan pada 20 Mei lepas telah mengumumkan pengecualian cukai bagi wang yang dibawa masuk sebelum 31 Dis ini.

Mengenai kedudukan luaran sistem perbankan, Anwar berkata, ia menunjukkan bahawa tanggungan luaran bersih sistem perbankan telah berkurangan sebanyak RM13.7 bilion di antara akhir Jun 1997 dan akhir Mei 1998.

-- BERNAMA

NZ NMO